



## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

### GP7A : GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PEMBERIAN PEMBIAYAAN SECARA BERHEMAT

#### BAHAGIAN A : PENGENALAN

##### TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memberi panduan kepada koperasi bagi mengendalikan pembiayaan anggotanya secara lebih telus dan berhemat dalam memastikan kepentingan anggota adalah terjamin dan terpelihara. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan **GP6: Garis Panduan Mengenai Kemudahan Kredit Oleh Koperasi** atau **GP7: Garis Panduan Mengenai Pembiayaan Islam Oleh Koperasi**, mana yang berkaitan.

##### TAFSIRAN

2. Bagi maksud garis panduan ini, pembiayaan membawa maksud pemberian kemudahan kredit atau pembiayaan Islam oleh koperasi.

## LATAR BELAKANG

3. Kajian menunjukkan pendapatan per kapita penduduk Malaysia semakin bertambah dari tahun ke tahun yang menyebabkan tahap penggunaan terus meningkat serta permintaan yang lebih tinggi terhadap barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, pengguna perlu berhemah dalam berbelanja dan bijak untuk membezakan antara keperluan dan kehendak.
4. Statistik pada tahun 2011 telah menunjukkan pinjaman isi rumah semakin meningkat sejak sepuluh tahun yang lalu, dengan mencatat peningkatan pada kadar tahunan 12.5%. Manakala, hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah 76.6%.
5. Pengalaman yang dilalui oleh beberapa negara menunjukkan pinjaman yang berlebihan dan peningkatan ketara keberhutangan isi rumah memberikan kesan yang buruk kepada ekonomi.
6. Di sektor koperasi, aktiviti pembiayaan yang berfungsi secara berkesan akan memberi manfaat yang signifikan kepada ekonomi negara dalam membantu:
  - (a) anggota meraih peluang ekonomi dan meningkatkan pendapatan;
  - (b) mengembangkan perniagaan; dan
  - (c) mewujudkan peluang pekerjaan.

7. Koperasi hendaklah mengguna pakai amalan pemberian pembiayaan yang berhemat dalam mengendalikan aktiviti pembiayaan kepada anggota di mana nilai dan prinsip koperasi perlu diberi penekanan. Secara amnya, pembiayaan secara berhemat dan perilaku peminjam (*borrowing behaviours*) akan merangsang sektor isi rumah yang berdaya tahan yang seterusnya menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan yang berkekalan.

8. Melalui pemerhatian, didapati pengeluaran produk pembiayaan oleh koperasi ketika ini dilaksanakan dengan penilaian kesesuaian dan keupayaan yang agak longgar. Dalam kes-kes tertentu, terdapat koperasi yang melaksanakan penilaian kesesuaian dan keupayaan yang tidak mencukupi dan juga ketidakcukupan perihal penjagaan kepentingan peminjam untuk jangka masa panjang dalam mempromosikan produk pembiayaannya. Justeru itu, pengurusan pembiayaan yang lebih jelas dan berhemat perlu diwujudkan.

9. Garis panduan ini disediakan untuk memberi –

- (a) panduan dan menggalakkan hubungan yang lebih bertanggungjawab serta efektif di antara koperasi dan anggota melalui penzahiran maklumat dan khidmat nasihat mengenai pemberian pembiayaan yang lebih berkesan; dan
- (b) kesedaran kepada koperasi bahawa pentingnya proses menilai serta mengenalpasti kualiti pemohon pembiayaan sebelum meluluskan apa-apa pemberian pembiayaan atau membuat keputusan pembiayaan (*credit decision*). Ini termasuklah menilai keupayaan pemohon untuk memenuhi kewajipan bayaran balik pembiayaan dan rekod sejarah pembayaran hutang terdahulu.

10. Melalui amalan pemberian pembiayaan secara berhemat ini, secara tidak langsung koperasi dapat meminimumkan pendedahan kepada risiko pembiayaan tidak berbayar.

## **BAHAGIAN B : KEPERLUAN PEMBIAYAAN**

### **PENILAIAN KESESUAIAN DAN KEUPAYAAN ANGGOTA**

11. Pemberian pembiayaan yang tidak mengikut kesesuaian dan keupayaan akan menyebabkan koperasi dan anggota terdedah kepada risiko kredit yang tinggi.

12. Koperasi hendaklah melaksanakan penilaian kesesuaian dan keupayaan bagi setiap pemberian pembiayaan baharu dan pembiayaan tambahan.

13. Koperasi perlu mewujudkan suatu prosedur bagi memastikan produk-produk pembiayaan yang ditawarkan bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan kewangan anggota. Prosedur tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas –

- (a) kelayakan anggota sebagaimana yang digariskan dalam aturan pembiayaan koperasi; dan
- (b) bidang kuasa yang jelas (*clear lines of authority*) untuk meluluskan produk pembiayaan.

14. Kriteria kelulusan hendaklah direkodkan secara teratur dan disokong dengan maklumat yang relevan terhadap keputusan dibuat. Apa-apa kelulusan atau keputusan perlu dilaporkan secara berkala kepada satu badan bebas seperti jawatankuasa pengurusan risiko dan jawatankuasa yang berkenaan.

15. Produk pembiayaan dianggap berkeupayaan kepada seseorang anggota jika jumlah dan syarat pembiayaan dapat dipenuhi oleh anggota itu sepenuhnya sepanjang tempoh pembiayaan. Keperluan bagi penilaian keupayaan adalah seperti dinyatakan di para 16 hingga 35.

### **Nisbah Khidmat Hutang [*Debt Service Ratio (DSR)*]**

16. Koperasi dikehendaki mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menentukan anggotanya telah ditawarkan dengan produk pembiayaan bersesuaian dengan keperluan kewangan dan keupayaan mereka melalui penerapan DSR yang berhemat di samping pengiraan Nisbah Potongan Gaji Kerajaan (NPGK).

17. Pengiraan DSR sebagai pelengkap, dan bukan untuk menggantikan, faktor-faktor lain yang digunakan oleh koperasi dalam membuat sesuatu keputusan pembiayaan, seperti rekod pembayaran hutang terdahulu dan skor kredit (*credit scores*).

18. DSR diwujudkan bertujuan untuk membolehkan koperasi melaksanakan penilaian keupayaan peminjam bagi memenuhi obligasi bayaran balik pembiayaan semasa dan di masa hadapan.

19. Pengiraan DSR hendaklah seperti berikut:

$$\text{DSR} = \frac{\text{Semua bayaran balik pembiayaan}^1}{\text{Pendapatan bersih selepas ditolak amaun statutori}^2}$$

**Nota :**

1. Termasuk pembiayaan yang tidak dinyatakan dalam penyata pendapatan. Contohnya pembiayaan rumah, sewa beli dan kad kredit dengan institusi kewangan atau syarikat kredit.
2. Contohnya cukai, KWSP dan PERKESO

Ilustrasi pengiraan adalah seperti di **Lampiran 1**.

20. Sebagai panduan, DSR sebaik-baiknya tidak melebihi **lima puluh peratus (50%)**.

### **Obligasi Bayaran Balik Hutang**

21. Koperasi hendaklah membuat pemeriksaan yang menyeluruh ke atas keberhutangan anggota, termasuk pembiayaan bercagar dan tidak bercagar daripada penyedia khidmat kewangan (seperti institusi kewangan) dan entiti bukan bank yang menyediakan kemudahan kredit atau pembiayaan (seperti koperasi lain, syarikat kredit dan syarikat perdagangan yang menyediakan jualan kredit) .

22. Bagi maksud para 21 di atas, koperasi hendaklah mendapatkan maklumat-maklumat keterhutangan anggota seperti berikut, yang mana berkaitan:

- (a) laporan kredit kewangan;
- (b) koperasi; dan
- (c) entiti-entiti lain (contohnya AEON, *Courts Mammoth*).

23. Untuk jumlah keseluruhan pembiayaan anggota yang **melebihi RM100,000<sup>1</sup>**, koperasi hendaklah memastikan laporan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat atau *Central Credit Reference Information System (CCRIS)*<sup>2</sup> dikemukakan oleh anggota yang memohon bagi tujuan pengesahan komitmen keberhutangan anggota berkenaan.

---

<sup>1</sup> Jumlah pembiayaan RM100,000 merujuk kepada baki pokok (*outstanding principal*) bagi pinjaman sedia ada dan jumlah pinjaman baru dipohon

<sup>2</sup> CCRIS adalah dikendalikan oleh sebuah Biro Kredit yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009. CCRIS mengumpul maklumat kredit peminjam daripada institusi kewangan dan menyalurkan semula maklumat tersebut kepada institusi kewangan dalam bentuk laporan kredit. Maklumat lanjut mengenai CCRIS boleh diperolehi dari capaian internet di <http://creditbureau.bnm.gov.my>.

24. Koperasi hendaklah memastikan maklumat yang dibekalkan oleh anggota adalah lengkap dan tepat.

25. Koperasi hendaklah menarik perhatian anggotanya untuk mengisi permohonan pembiayaan dengan lengkap dan tepat. Tanpa penzahiran atau perakuan tepat ini, ia boleh menjejaskan profil risiko peminjam. Ini juga boleh menyebabkan permohonan pembiayaan itu ditolak.

### **Pendapatan**

26. Dalam menilai pendapatan bagi penetapan DSR, koperasi hendaklah mendapatkan maklumat mengenai sumber dan jumlah pendapatan seseorang anggota.

27. Bagi maksud ini, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

(a) **Pendapatan boleh ubah (contohnya kerja lebih masa, komisen)**

Koperasi hendaklah menilai perubahan pendapatan tersebut untuk jangkamasa sekurang-kurangnya tiga bulan dan hanya mengambilkira amaun purata daripada bahagian berhemat sebagai pendapatan peminjam dalam menilai keupayaannya.

(b) **Tiada pekerjaan tetap atau bekerja sendiri**

Koperasi hendaklah menilai kestabilan pendapatan anggota dengan merujuk kepada rekod pendapatan anggota untuk suatu jangka masa sekurang-kurangnya bagi tempoh enam bulan.

28. Koperasi hendaklah juga mengambilkira varians (perbezaan) pendapatan bulan ke bulan. Sekiranya terdapat varians pendapatan bulan ke bulan yang tinggi, koperasi hendaklah mendapatkan pengesahan pendapatan berubah untuk jangka masa yang lebih daripada tempoh yang dinyatakan di para 27 di atas agar koperasi dapat

menetapkan pendapatan yang lebih stabil untuk anggota itu. Pendapatan “*one-off*” seperti bonus dan “durian runtuh” dikecualikan daripada penilaian pendapatan.

29. Koperasi hendaklah mengesahkan pendapatan seseorang anggota melalui sumber-sumber yang boleh dipercayai dan tidak hanya bergantung semata-mata kepada dokumen yang dikemukakan oleh anggota itu. Anggota hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada koperasi:

- (a) penyata pendapatan yang disahkan;
- (b) pengesahan majikan;
- (c) penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); atau
- (d) penyata bank.

30. Sekiranya maklumat yang diberikan oleh anggota terdapat percanggahan yang ketara, koperasi hendaklah melaksanakan pengesahan yang sewajarnya atau menolak permohonan tersebut.

### **Keputusan Pembiayaan**

31. Koperasi hendaklah menetapkan tahap DSR yang berhemat seperti di para 20 untuk digunakan dalam membuat sesuatu keputusan pembiayaan bagi memastikan terdapat lebihan yang mencukupi (*sufficient buffers*) untuk keperluan dan perbelanjaan seharian serta kontigensi anggota berkenaan. Ini termasuklah mengambil kira jenis pekerjaan, bilangan tanggungan, lokasi tempat tinggal dan faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi tahap perbelanjaan anggota tersebut.



32. Asas bagi keputusan pembiayaan hendaklah didokumentasikan dengan teratur dan disokong oleh maklumat-maklumat yang berkaitan. Ini akan memudahkan fungsi pengurusan risiko dalaman dan semakan penyeliaan bagi memastikan koperasi mematuhi kehendak garis panduan ini.

33. Koperasi tidak boleh menjadikan cagaran anggota sebagai asas dalam proses meluluskan permohonan pembiayaan jika didapati penilaian yang dibuat sebelum ini menunjukkan anggota tersebut tidak berkeupayaan untuk mendapat apa-apa pembiayaan.

### **Tempoh Pembiayaan**

34. Tempoh bayaran balik pembiayaan hendaklah –

(a) bagi pembiayaan tak bercagar, tidak melebihi dua puluh tahun;

(b) bagi pembiayaan bercagar, boleh melebihi dua puluh tahun; atau

suatu tempoh yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

35. Pelanjutan tempoh pembiayaan boleh meningkatkan keupayaan peminjam di masa yang terdekat, tetapi dalam masa yang sama akan meningkatkan jumlah keseluruhan tanggungan hutang dan peminjam akan terdedah kepada risiko kredit yang tinggi untuk tempoh jangka masa panjang.

## PEMASARAN DAN PENZAHIRAN MAKLUMAT

36. Koperasi hendaklah memastikan bahan dan risalah yang digunakan untuk pengiklanan dan promosi produknya adalah jelas, adil dan tidak mengelirukan atau mempunyai unsur penipuan. Maklumat penting yang dianggap boleh memberi kesan terhadap keputusan anggota yang ingin meminjam hendaklah dipamerkan dengan jelas.

37. Kakitangan atau wakil “jualan dan pemasaran” koperasi hendaklah mengambilkira kepentingan dan keadaan anggota yang ingin meminjam dengan membuat pertanyaan mengenai keperluan kewangan anggota dan hal ehwal kewangannya bagi memastikan bahawa produk kewangan koperasi yang ditawarkan adalah sesuai dengan keperluan anggota tersebut.

38. Kakitangan atau wakil “jualan dan pemasaran” koperasi hendaklah menyediakan lembaran penzahiran produk (seperti format di **Lampiran 2** bagi pembiayaan Islam dan **Lampiran 3** bagi pinjaman konvensional) untuk memudahkan anggotanya membuat perbandingan dan keputusan.

39. Lembaran Penzahiran Produk (LPP) hendaklah juga diberi kepada anggota ketika kontrak kewangan hendak diadakan sekiranya terdapat perubahan material dalam maklumat LPP berkenaan.

40. Anggota berkenaan hendaklah dimaklumkan mengenai pentingnya membaca dan memahami LPP.

41. Kadar efektif pembiayaan tahunan dan apa-apa fi dan caj yang dikenakan hendaklah dizahirkan dengan jelas di dalam LPP.

42. Kakitangan atau wakil “jualan dan pemasaran” hendaklah menarik perhatian anggota kepada jumlah bayaran balik pembiayaan dan kos keuntungan atau faedah sepertimana terkandung di dalam LPP.

43. Koperasi hendaklah memastikan supaya kakitangan atau wakil “jualan dan pemasaran” memberi penerangan kepada anggota yang ingin meminjam sekurang-kurangnya mengenai perkara berikut:

- (a) terma-terma penting yang boleh memberi kesan kepada obligasi anggota;
- (b) bagi pembiayaan dengan kadar berubah, impak terhadap kenaikan kadar pembiayaan ke atas ansuran bulanan dan jumlah bayaran balik (seperti di **Lampiran 3**);
- (c) fi dan caj yang boleh dikenakan ke atas anggota, dan sama ada fi dan caj tersebut dikenakan sekali sahaja atau berulang kali;
- (d) obligasi dan tanggungjawab anggota yang meminjam; dan
- (e) kesan terhadap anggota sekiranya bayaran balik gagal dilaksanakan, contohnya kadar pembiayaan boleh dinaikkan, caj penalti, profil kredit anggota boleh terjejas dan melikuidasikan harta cagaran anggota.

44. Anggota perlu dinasihatkan supaya membaca dan membuat pertimbangan terhadap maklumat dan penerangan yang diberi supaya mereka faham ciri-ciri penting produk pembiayaan berkenaan serta obligasinya sebelum anggota tersebut menerima sebarang kontrak pembiayaan.

45. Anggota hendaklah diberi peluang secukupnya untuk membaca maklumat yang terdapat dalam pra-kontrak dan membuat sebarang pertanyaan mengenai produk pembiayaan tersebut. Koperasi perlu memastikan kakitangan atau wakil pemasaran

tidak mengganggu, menekan atau mempengaruhi anggota supaya menandatangani produk pembiayaan berkenaan (contohnya melalui tawaran istimewa yang keterlaluan dengan syarat-syarat yang tidak dizahirkan).

46. Koperasi hendaklah memastikan bahawa kakitangan atau wakil pemasaran tidak menghubungi bakal peminjam melalui telefon pada waktu-waktu yang tidak bersesuaian, terutamanya sebelum 9 pagi dan selepas 6 petang. Kakitangan atau wakil pemasaran hendaklah memperkenalkan diri dan koperasi yang mereka wakili serta memaklumkan tujuan panggilan dibuat.

47. Koperasi hendaklah memastikan kakitangan atau wakil “jualan dan pemasarannya” mempunyai latihan yang mencukupi dan kompetensi untuk melaksanakan tanggungjawab mereka. Kakitangan atau wakil pemasaran hendaklah berpengetahuan mengenai ciri-ciri penting, risiko dan terma kritikal produk pembiayaan tersebut. Koperasi dikehendaki menyediakan latihan asas dan berterusan kepada kakitangan atau wakilnya. Latihan sedemikian hendaklah merangkumi etika pemasaran dan obligasi pematuhan yang relevan terhadap keperluan badan kawal selia semasa memasarkan produk pembiayaan.

48. Koperasi hendaklah mengadakan pemeriksaan berkala agar kakitangan atau wakil pemasaran sentiasa kompeten semasa memberi penerangan produk koperasi dan mematuhi apa-apa keperluan badan kawal selia. Proses sedemikian hendaklah termasuk memperolehi maklumbalas anggota mengenai mutu khidmat nasihat yang diberikan dan kecekapan kakitangan atau wakil memberi maklumat produk dengan jelas dan tepat.

49. Bagi produk yang dijual melalui telefon, kakitangan atau wakil dilarang memperdaya peminjam. Kakitangan atau wakil hendaklah menerangkan terma dan syarat penting mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Sekiranya peminjam bersetuju menerima produk atau perkhidmatan tersebut, kakitangan atau

wakil hendaklah mengesahkan penerimaan tersebut dan melaksanakan proses bebas bagi memastikan terma dan syarat penting produk berkenaan telah diterangkan dan difahami oleh anggota itu.

50. Koperasi hendaklah mewujudkan dan mengekalkan dasar dan prosedur ganjaran yang bersifat adil dan bertanggungjawab. Sistem ganjaran tidak boleh menumpukan hanya kepada pencapaian sasaran jualan tanpa mengambilkira kepentingan dan keadaan anggota yang meminjam. Untuk tidak menggalakkan perilaku yang tidak diingini di kalangan kakitangan atau wakil, koperasi hendaklah mengambilkira penunjuk-penunjuk bukan kewangan untuk memberi ganjaran kepada kakitangan atau wakil “jualan dan pemasaran” yang berprestasi termasuk mendapatkan maklumbalas peminjam mengenai perilaku kakitangan atau wakil berkenaan.

51. Koperasi hendaklah mengambil tindakan tegas dan segera terhadap apa-apa jualan produk pembiayaannya yang dibuat secara tidak beretika, termasuk mengambil tindakan bersesuaian untuk membantu peminjam terbabit.

### **Pengsumberluaran (*Outsourcing*)**

52. Koperasi boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga atau ejen bagi fungsi “jualan dan pemasaran” memandangkan tugasannya tidak memerlukan proses membuat keputusan (*decision-making*). Walau bagaimanapun, pengurusan koperasi hendaklah mengekalkan tanggungjawab muktamad dan kawalan terhadap fungsi tersebut.

53. Bagi tujuan di para 52, **hanya koperasi sahaja** boleh dilantik sebagai ejen bagi melaksanakan fungsi “jualan dan pemasaran” kepada sebuah koperasi lain. Pelantikan ejen perseorangan atau syarikat swasta adalah tidak dibenarkan.

54. Koperasi yang menggunakan khidmat pihak ketiga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- (a) kajian semula pemeriksaan usaha wajar (*due diligence*) terhadap pihak ketiga;
- (b) kelulusan Lembaga koperasi diperolehi;
- (c) perjanjian perkhidmatan;
- (d) akujanji bertulis pihak ketiga untuk mematuhi peruntukan kerahsiaan;
- (e) pelaporan dan mekanisme pemantauan yang teratur;
- (f) memastikan pihak khidmat ketiga ini mematuhi kehendak peruntukan pemasaran dan penzahiran maklumat; dan
- (g) memaklumkan Suruhanjaya pelantikan pihak khidmat ketiga berkenaan dan memperakui bahawa koperasi serta pihak khidmat ketiga itu mematuhi kehendak peruntukan pemasaran dan penzahiran maklumat seperti dinyatakan dalam garis panduan ini.

## **SALURAN UNTUK BANTUAN**

55. Koperasi hendaklah menyediakan saluran tertentu bagi anggota yang menghadapi kesukaran bayaran balik untuk mendapatkan bantuan. Maklumat terperinci mengenai saluran ini hendaklah diperjelaskan kepada anggotanya.

56. Latihan yang bersesuaian hendaklah diberikan kepada kakitangan untuk menangani anggota yang mengalami kesukaran bayaran balik. Kakitangan hendaklah berupaya memberi penerangan dan khidmat nasihat mengenai pilihan dan saluran yang sedia ada bagi membantu anggota menyelesaikan masalah bayaran balik pembiayaan mereka.

**AM**

57. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan-Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.


**PEMATUHAN DAN PEMAKAIAN**

58. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

59. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai pada **1 Julai 2013**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)**

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 24-12-2012

## LAMPIRAN 1

## CONTOH PENGIRAAN NISBAH KHIDMAT HUTANG [DEBT SERVICE RATIO (DSR)]

### 1. PENDAPATAN DAN POTONGAN (TERMASUK PEMBIAYAAN)

#### A. PENYATA PENDAPATAN (BULANAN)

Bulan/Tahun	Julai 2012		
Nama	Encik X		
<u>Pendapatan</u>	<u>RM</u>	<u>Potongan</u>	<u>RM</u>
Gaji	5,000	KWSP	660
Elaun	1,000	PERKESO	15
		Cukai Pendapatan	500
		Zakat Pendapatan	250
		ASB	50
		Tabung Haji	50
		Pembiayaan Perumahan	500
		Pembiayaan BPA <sup>1/</sup>	400
<b>(a) Jumlah pendapatan</b>	<b>6,000</b>	<b>Jumlah Potongan</b>	<b>2,425</b>
		<b>Jumlah Bersih</b>	<b>3,575</b>

**Nota:** <sup>1/</sup> Pembiayaan Biro Potongan Angkasa (BPA) – Bayaran balik pembiayaan melalui potongan BPA diberi kepada penyedia khidmat kewangan seperti koperasi, Malaysian Building Society Berhad (MBSB) dan Bank Simpanan Malaysia (BSN).



**B. PENGIRAAN NISBAH POTONGAN GAJI KASAR (NPGK)**

Menurut amalan pada masa kini, pengiraan NPGK maksimum adalah sebanyak 60% sebagaimana yang ditetapkan dalam pekeliling bagi kakitangan Kerajaan. Pengiraan NPGK adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{NPGK} &= \frac{\text{JUMLAH POTONGAN}}{\text{JUMLAH PENDAPATAN}} \times 100\% \\
 &= \frac{2,425}{6,000} \times 100\% \\
 &= \mathbf{40.4\%}
 \end{aligned}$$

Dengan ini, NPGK **40.4%** adalah masih dalam lingkungan had maksimum **60%**.

**C. BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN LAIN**

(yang tidak dinyatakan dalam penyata pendapatan & wajib diisytihar)

<b>Perkara</b>	<b>RM</b>
Pembiayaan Perumahan ( <i>cth dari RHB Bank</i> )	200
Kad Kredit 1	100
Kad Kredit 2	200
Pembiayaan Peribadi ( <i>cth dari Koperasi</i> )	150
Pembiayaan Perabot ( <i>cth dari Courts, AEON</i> )	200
Pembiayaan Lain ( <i>sila nyatakan</i> )	-
<b>Pembiayaan (b)</b>	<b>850</b>

**2. PENGIRAAN DSR**

$$\text{Formula : DSR} = \frac{\text{Jumlah Bayaran Balik Pembiayaan}}{\text{Pendapatan – Amaun Statutori}} \times 100\%$$

yang mana:

<b><u>Langkah 1:</u></b>	<b><u>Pengiraan Pendapatan</u></b>	<b><u>RM</u></b>	<b><u>RM</u></b>
	Pendapatan dari (a) - spt Penyata Pendapatan		6,000
	<u>Tolak</u> : Amaun Statutori iaitu:		
	- KWSP	660	
	- PERKESO	15	
	- Cukai Pendapatan	500	
	- Zakat Pendapatan	250	
	- Lain-lain (sila nyatakan)	-	(1,425)
	<b>Jumlah Pendapatan (c)</b>		<b>4,575</b>
<b><u>Langkah 2:</u></b>	<b><u>Pengiraan Bayaran Balik Pembiayaan</u></b>	<b><u>RM</u></b>	<b><u>RM</u></b>
	Pembiayaan (dalam Penyata Pendapatan) iaitu:		
	- Pembiayaan Perumahan	500	
	- Pembiayaan BPA	400	900
	Pembiayaan dari (b)		850
	<b>Jumlah Bayaran Balik Pembiayaan (d)</b>		<b>1,750</b>

**Langkah 3: Pengiraan DSR**

$$\begin{aligned}
 \text{DSR} &= \frac{\text{Jumlah Bayaran Balik Pembiayaan}}{\text{Pendapatan – Amaun Statutori}} \times 100\% \\
 &= \frac{\text{Jumlah Bayaran Balik Pembiayaan (d)}}{\text{Jumlah Pendapatan (c)}} \times 100\% \\
 &= \frac{1,750}{4,575} \times 100\% \\
 &= \mathbf{38\%}
 \end{aligned}$$

Berdasarkan di atas, pengiraan NPGK sebanyak 40.4% adalah **berbeza** berbanding dengan pengiraan DSR sebanyak 38%. Pengiraan DSR adalah **lebih tepat** untuk menilai keupayaan peminjam dalam memenuhi tanggungan bayaran balik pembiayaan kerana ia memberi fokus kepada potongan **bayar balik obligasi hutang sahaja** dan tidak mengambilkira potongan lain seperti potongan bagi simpanan dan statutori. Berikut adalah Jadual Perbandingan di antara DSR dan NPGK:

PERKARA	DSR	NPGK
<b>ASAS</b>	Pendapatan Bersih (selepas potongan statutori)	Pendapatan Kasar
<b>JENIS POTONGAN</b>	Hutang Sahaja	Pelbagai (termasuk hutang)
<b>FORMULA</b>	$\frac{\text{Jumlah Bayaran Balik Pembiayaan}}{\text{Pendapatan – Amaun Statutori}}$	$\frac{\text{Jumlah Potongan}}{\text{Jumlah Pendapatan}}$
<b>HAD</b>	50%	60%
<b>BAKI HAD KEUPAYAAN</b>	Dengan DSR sebanyak 38%, anggota mempunyai 12% lagi keupayaan untuk pembiayaan seterusnya.	Dengan NPGK sebanyak 40.4%, anggota mempunyai 18.6% lagi keupayaan untuk potongan selanjutnya.

### 3. ILUSTRASI PENGIRAAN DSR BAGI PEMBIAYAAN BAHARU

- Sekiranya peminjam memohon pembiayaan baharu sejumlah RM120,000 dengan ciri-ciri berikut:

Tempoh Pembiayaan	:	20 tahun atau 240 bulan
Kadar Pulangan	:	3% setahun (kadar tetap)
Ansuran bayaran balik bulanan	:	<b>RM800</b>

- Pengiraan DSR dengan mengambilkira pembiayaan baharu yang dipohon:

$$\begin{aligned}
 \text{DSR} &= \frac{\text{Jumlah Bayaran Balik Pembiayaan (sedia ada + baharu)}}{\text{Pendapatan – Amaun Statutori}} \times 100\% \\
 &= \frac{1,750 + \mathbf{800}}{4,575} \times 100\% \\
 &= \mathbf{56\%}
 \end{aligned}$$

Dalam senario di atas, DSR dengan pembiayaan baharu sebanyak 56% didapati melebihi panduan am DSR iaitu 50%. Berpandukan kepada panduan am DSR 50%, koperasi hanya boleh mengeluarkan jumlah pembiayaan sebanyak RM77,000 (dengan ansuran bayaran balik bulanan **RM513**) sahaja menurut pengiraan seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{DSR} &= \frac{\text{Jumlah Bayaran Balik Pembiayaan (sedia ada + baharu)}}{\text{Pendapatan – Amaun Statutori}} \times 100\% \\
 &= \frac{1,750 + \mathbf{513}}{4,575} \times 100\% \\
 &= \mathbf{50\%}
 \end{aligned}$$

**LAMPIRAN 2****CONTOH FORMAT  
LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK****Nama produk:** Pembiayaan Tunai-i*(Baca Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon Pembiayaan Tunai-i. Sila baca terma & syarat am)*

<b>1</b>	<b>Produk ini mengenai apa?</b> Produk ini merupakan pembiayaan peribadi tanpa cagaran yang dikira berdasarkan kadar tetap.
<b>2</b>	<b>Apakah Konsep Syariah digunapakai?</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kontrak Syariah ialah Bai Al-Inah</li> <li>• Ia merujuk kepada kontrak yang melibatkan transaksi jual dan beli balik dengan segera sesebuah aset oleh koperasi. Koperasi akan menjual aset kepada pelanggan secara bayaran tangguh. Koperasi kemudiannya akan membeli balik dengan segera aset tersebut secara tunai pada harga rendah dari harga jualan yang asal.</li> </ul>
<b>3</b>	<b>Apa yang saya dapat dari produk ini?</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah harga jualan: RM xxx</li> <li>• Jumlah amaun pembiayaan: RM xxx</li> <li>• Kadar keuntungan pembiayaan: y% setahun</li> <li>• Kadar efektif pembiayaan: x%</li> <li>• Tempoh pembiayaan: z tahun</li> </ul>
<b>4</b>	<b>Apakah tanggungjawab saya?</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ansuran bulanan : RM xx</li> <li>• Jumlah untuk dibayar termasuk jumlah pembiayaan: RM xx</li> </ul>
<b>5</b>	<b>Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar?</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Duti setem [Mengikut Akta Duti Setem 1949 (semakan 1989)] : RM xx</li> <li>• Takaful : RM xx</li> <li>• Fi pemprosesan : RM xx</li> </ul>

**6 Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Caj penyelesaian awal akan dikenakan jika Harga Jualan diselesaikan sepenuhnya dalam separuh masa pertama tempoh Pembiayaan (seperti mana tempoh yang diluluskan oleh atau dipersetujui oleh koperasi). Amaun caj penyelesaian awal sama ada

- (i) 2.5% daripada baki prabayar belum jelas pada tarikh penyelesaian awal; ATAU
- (ii) RM150,

yang mana lebih tinggi, hendaklah dibayar oleh peminjam kepada koperasi pada tarikh penyelesaian penuh.

**\*\*Contoh pengiraan yang disediakan di bawah hanya untuk ilustrasi sahaja\*\***

**Contoh pengiraan 1**

Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-23

- Jumlah pembiayaan: RM30,000
- Tempoh pembiayaan : 5 tahun (60 bulan)
- Kadar keuntungan : 10.5%
- Ansuran bulanan : RM763
- Baki belum jelas pada bulan ke-23: RM22,913.59
- Caj Penyelesaian awal: 2.5%
- Penyelesaian awal:  $2.5\% \times RM22,913.59 = RM572.83$

**CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM572.83**

**Contoh pengiraan 2**

Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-23

- Jumlah pembiayaan: RM6,000
- Tempoh pembiayaan: 5 tahun (60 bulan)
- Kadar keuntungan : 10.5%
- Ansuran bulanan : RM153
- Baki belum jelas pada bulan ke-23: RM4,573.92
- Caj Penyelesaian awal: 2.5%
- Penyelesaian awal:  $2.5\% \times RM4,573.92 = RM114.34$

**CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM150.00**

**7 Bagaimana jumlah ibra' (rebat) dikira?**

- Jumlah ibra' (rebat) dikira menggunakan formula seperti di bawah:

$\text{Rebat} = \frac{n(n+1)}{T(T+1)} \times P$	<p>n = Bilangan bulan yang tinggal berdasarkan tempoh pembiayaan yang telah dijadualkan</p> <p>di mana: T = Tempoh pembiayaan (bulanan)</p> <p>P = Pulangan yang patut dibayar dalam keseluruhan tempoh pembiayaan</p>
---	--

Kaedah ini digelar sebagai "Rule 78" atau "Sum of Digits"

**\*\*Contoh pengiraan yang disediakan hanya untuk ilustrasi sahaja\*\***

Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal dalam tempoh 23 bulan (contoh selepas membuat pembayaran selama 23 bulan)

- Jumlah pembiayaan: RM30,000
- Tempoh Pembiayaan: 5 tahun (60 bulan)
- Kadar Pulangan : 10.5%
- Jumlah pulangan: RM15,570
- Ansuran bulanan : RM763

$$\begin{aligned} \text{Rebat} &= \frac{37 \times (37+1)}{60(60+1)} \times \text{RM15,750} \\ &= \text{RM6,050.41} \end{aligned}$$

**8 Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

- Caj pampasan (Ta'widh) : 1 % setahun daripada amaun tertunggak
- Hak untuk menolak selesai ("set-off") : Koperasi berhak untuk menolak baki kredit dalam simpanan anda dengan koperasi sekiranya segala usaha untuk mendapatkan anda menyelesaikan hutang anda tidak berjaya (sila rujuk fasal xx dalam Terma dan Syarat Perjanjian Pembiayaan)

**9 Apakah risiko terlibat?**

Jika anda mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi pihak koperasi dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.

10	<p><b>Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?</b></p> <p>Tiada penjamin atau cagaran diperlukan.</p>
11	<p><b>Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi saya?</b></p> <p>Adalah penting anda memaklumkan koperasi mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan anda disampaikan dengan lebih berkesan.</p>
12	<p><b>Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas mengenai produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di talian 1300-xx-xxxx atau kunjungi laman web kami di <a href="http://www.koperasiABC.com.my">www.koperasiABC.com.my</a> atau mana-mana cawangan Koperasi ABC Berhad yang berdekatan.</li> <li>• Sekiranya anda ingin membuat aduan, sila hubungi kami di: <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahagian Aduan Anggota</li> <li>Koperasi ABC Berhad</li> <li>22, Jalan STU</li> <li>53000 Kuala Lumpur</li> <li>Tel :                      Faks :                      E-mel :</li> </ul> </li> <li>• Sekiranya koperasi tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, anda boleh merujuk selanjutnya kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>Suruhanjaya Koperasi Malaysia</li> <li>Bahagian Penyiasatan &amp; Penguatkuasaan</li> <li>Tingkat 10, Sunway Putra Tower</li> <li>100 Jalan Putra, 50350 Kuala Lumpur</li> <li>Laman web: <a href="http://www.skm.gov.my">www.skm.gov.my</a></li> <li>Tel : 03-40474000 ; Faks : 03-40474116</li> <li>Atau</li> <li>Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = <a href="http://apponline.skm.gov.my">http://apponline.skm.gov.my</a></li> </ul> </li> </ul>
13	<p><b>Pakej pembiayaan peribadi lain yang tersedia ialah:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunai-i Korporat</li> <li>• XYZ</li> </ul>



**LAMPIRAN 3****CONTOH FORMAT  
LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK****Nama produk:** Pinjaman Peribadi*(Baca Lembaran Penzahiran Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon pinjaman.  
Sila baca terma & syarat am)*

<b>1</b>	<p><b>Produk ini mengenai apa?</b></p> <p>Produk ini merupakan pinjaman peribadi tanpa cagaran yang dikira berdasarkan pengiraan kadar berubah/tetap.</p>																
<b>2</b>	<p><b>Apa yang saya dapat dari produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah amaun pinjaman: RM xxx</li> <li>• Kadar faedah pinjaman: y% setahun</li> <li>• Kadar efektif pinjaman: x%</li> <li>• Tempoh pinjaman: z tahun</li> </ul>																
<b>3</b>	<p><b>Apakah tanggungjawab saya?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ansuran bulanan : RM xxx</li> <li>• Jumlah untuk dibayar termasuk jumlah pinjaman: RM xxx</li> </ul> <p>Penting: Bagi pinjaman kadar berubah, ansuran bulanan dan jumlah amaun bayaran balik boleh berubah sekiranya kadar faedah berubah.</p> <p><u>Contoh:</u></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Kadar</th> <th>Hari ini (kadar = k%)</th> <th>Jika kadar naik 1%</th> <th>Jika kadar turun 2%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ansuran bulanan</td> <td>RM xx</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jumlah kos faedah pada penghujung tahun ke 20</td> <td>RM yy</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jumlah amaun bayaran balik pada penghujung tahun ke 20</td> <td>RM zz</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Kadar	Hari ini (kadar = k%)	Jika kadar naik 1%	Jika kadar turun 2%	Ansuran bulanan	RM xx			Jumlah kos faedah pada penghujung tahun ke 20	RM yy			Jumlah amaun bayaran balik pada penghujung tahun ke 20	RM zz		
Kadar	Hari ini (kadar = k%)	Jika kadar naik 1%	Jika kadar turun 2%														
Ansuran bulanan	RM xx																
Jumlah kos faedah pada penghujung tahun ke 20	RM yy																
Jumlah amaun bayaran balik pada penghujung tahun ke 20	RM zz																

4	<p><b>Apakah Fi dan Caj yang perlu saya bayar?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Duti setem [Mengikut Akta Duti Setem 1949 (semakan 1989)] : RM xxx</li> <li>• Insurans : RM xxx</li> <li>• Fi pemprosesan : RM xxx</li> </ul>				
5	<p><b>Bagaimana jika saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh sekatan ("Lock-in period") sepertimana diluluskan oleh atau dipersetujui oleh koperasi ialah <u>xx</u> bulan</li> <li>• Caj penyelesaian awal akan dikenakan jika pinjaman diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh sekatan tersebut. Amaun caj penyelesaian awal sama ada             <ul style="list-style-type: none"> <li>(iii) y% daripada baki prabayar belum jelas pada tarikh penyelesaian awal; ATAU</li> <li>(iv) RM150,</li> </ul> <p><u>yang mana lebih tinggi</u>, hendaklah dibayar oleh peminjam kepada koperasi pada tarikh penyelesaian penuh.</p> <p><b>**Contoh pengiraan yang disediakan di bawah hanya untuk ilustrasi sahaja**</b></p> <table border="1" data-bbox="272 1102 1464 1785"> <thead> <tr> <th data-bbox="272 1102 868 1186"><b>Contoh pengiraan 1</b></th> <th data-bbox="868 1102 1464 1186"><b>Contoh pengiraan 2</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="272 1186 868 1753"> <p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-23</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pinjaman: RM30,000</li> <li>• Tempoh Pinjaman: 5 tahun (60 bulan)</li> <li>• Kadar Pinjaman : 10.5%</li> <li>• Ansuran bulanan : RM763</li> <li>• Baki belum jelas pada bulan ke-23: RM22,913.59</li> <li>• Caj Penyelesaian awal: 2.5%</li> <li>• Penyelesaian awal: 2.5% x RM22,913.59 = RM572.83</li> </ul> <p><b>CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM572.83</b></p> </td> <td data-bbox="868 1186 1464 1753"> <p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-23</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pinjaman: RM6,000</li> <li>• Tempoh Pinjaman: 5 tahun (60 bulan)</li> <li>• Kadar Pinjaman : 10.5%</li> <li>• Ansuran bulanan : RM153</li> <li>• Baki belum jelas pada bulan ke-23: RM4,573.92</li> <li>• Caj Penyelesaian awal: 2.5%</li> <li>• Penyelesaian awal: 2.5% x RM4,573.92 = RM114.34</li> </ul> <p><b>CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM150.00</b></p> </td> </tr> </tbody> </table> </li> </ul>	<b>Contoh pengiraan 1</b>	<b>Contoh pengiraan 2</b>	<p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-23</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pinjaman: RM30,000</li> <li>• Tempoh Pinjaman: 5 tahun (60 bulan)</li> <li>• Kadar Pinjaman : 10.5%</li> <li>• Ansuran bulanan : RM763</li> <li>• Baki belum jelas pada bulan ke-23: RM22,913.59</li> <li>• Caj Penyelesaian awal: 2.5%</li> <li>• Penyelesaian awal: 2.5% x RM22,913.59 = RM572.83</li> </ul> <p><b>CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM572.83</b></p>	<p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-23</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pinjaman: RM6,000</li> <li>• Tempoh Pinjaman: 5 tahun (60 bulan)</li> <li>• Kadar Pinjaman : 10.5%</li> <li>• Ansuran bulanan : RM153</li> <li>• Baki belum jelas pada bulan ke-23: RM4,573.92</li> <li>• Caj Penyelesaian awal: 2.5%</li> <li>• Penyelesaian awal: 2.5% x RM4,573.92 = RM114.34</li> </ul> <p><b>CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM150.00</b></p>
<b>Contoh pengiraan 1</b>	<b>Contoh pengiraan 2</b>				
<p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-23</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pinjaman: RM30,000</li> <li>• Tempoh Pinjaman: 5 tahun (60 bulan)</li> <li>• Kadar Pinjaman : 10.5%</li> <li>• Ansuran bulanan : RM763</li> <li>• Baki belum jelas pada bulan ke-23: RM22,913.59</li> <li>• Caj Penyelesaian awal: 2.5%</li> <li>• Penyelesaian awal: 2.5% x RM22,913.59 = RM572.83</li> </ul> <p><b>CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM572.83</b></p>	<p>Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal pada bulan ke-23</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pinjaman: RM6,000</li> <li>• Tempoh Pinjaman: 5 tahun (60 bulan)</li> <li>• Kadar Pinjaman : 10.5%</li> <li>• Ansuran bulanan : RM153</li> <li>• Baki belum jelas pada bulan ke-23: RM4,573.92</li> <li>• Caj Penyelesaian awal: 2.5%</li> <li>• Penyelesaian awal: 2.5% x RM4,573.92 = RM114.34</li> </ul> <p><b>CAJ PENYELESAIAN AWAL: RM150.00</b></p>				

**6 Bagaimana jumlah rebat dikira?**

- Jumlah rebat dikira menggunakan formula seperti di bawah:

$\text{Rebat} = \frac{n(n+1)}{T(T+1)} \times P,$	<p>n = Bilangan bulan yang tinggal berdasarkan tempoh pinjaman yang telah dijadualkan</p> <p>di mana: T = Tempoh pinjaman bulanan</p> <p>P = faedah yang patut dibayar dalam keseluruhan tempoh pinjaman</p>
--	--

Kaedah ini digelar sebagai “Rule 78” atau “Sum of Digits”

**\*\*Contoh pengiraan yang disediakan di bawah hanya untuk ilustrasi sahaja\*\***

Jika peminjam ingin membuat penyelesaian awal dalam tempoh 23 bulan (contoh selepas membuat pembayaran selama 23 bulan)

- Jumlah pinjaman: RM30,000
- Tempoh Pinjaman: 5 tahun (60 bulan)
- Kadar Pinjaman : 10.5%
- Jumlah faedah: RM15,570
- Ansuran bulanan : RM763

$$\begin{aligned} \text{Rebat} &= \frac{37 \times (37+1)}{60(60+1)} \times \text{RM15,750} \\ &= \text{RM6,050.41} \end{aligned}$$

**7 Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

- Caj penalti lewat bayar: 1% setahun atas amaun tertunggak
- Hak untuk menolak selesai (“set-off”) : Koperasi berhak untuk menolak baki kredit dalam simpanan anda dengan koperasi sekiranya segala usaha untuk mendapatkan anda menyelesaikan hutang anda tidak berjaya (Sila rujuk fasal xx dalam Terma dan Syarat Perjanjian Pinjaman)

**8 Apakah risiko terlibat?**

- Sekiranya pinjaman anda berasaskan kadar faedah berubah, kadar ini boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan kadar rujukan di dalam pasaran pinjaman.
- Jika anda mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan anda, sila hubungi pihak koperasi dengan segera untuk membincangkan pembayaran alternatif.

<b>9</b>	<b>Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?</b> Tiada penjamin atau cagaran diperlukan
<b>10</b>	<b>Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi saya?</b> Adalah penting anda memaklumkan koperasi mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan anda disampaikan dengan lebih berkesan.
<b>11</b>	<b>Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas mengenai produk dan perkhidmatan koperasi yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Panggilan kami di talian 1300 xx xxxx atau kunjungi laman web kami di <a href="http://www.koperasiABC.com.my">www.koperasiABC.com.my</a> atau mana-mana cawangan Koperasi ABC Berhad yang berdekatan.</li> <li>• Sekiranya anda ingin membuat aduan, sila hubungi kami di: <p style="margin-left: 40px;">Bahagian Unit Aduan Anggota Koperasi ABC Berhad 22, Jalan STU 53000 Kuala Lumpur Tel:                      Faks:                      E-mel:</p></li> <li>• Sekiranya koperasi tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut, anda boleh merujuk selanjutnya kepada: <p style="margin-left: 40px;">Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan Tingkat 10, Sunway Putra Tower, 100 Jalan Putra, 50350 Kuala Lumpur Laman web: <a href="http://www.skm.gov.my">www.skm.gov.my</a> Tel: 03-40474000; Faks: 03-40474116 Atau Sistem Aplikasi Online Aduan Koperasi = <a href="http://apponline.skm.gov.my">http://apponline.skm.gov.my</a></p></li></ul>
<b>12</b>	Pakej pembiayaan peribadi lain yang tersedia ialah: <ul style="list-style-type: none"><li>• Tunai Peribadi Graduan</li><li>• XYZ</li></ul>